

02/12/1998

Siber Putra realisasi literasi IT negara

Azman Mahmood

INISIATIF Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) berjaya mencatat slembaran baru dalam dunia IT negara apabila Pusat Ukhuwah, Tarbiyah dan Riyadah Rakyat (Putra) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) membentuk projek `Siber Putra-Unesco/YKK'.

Projek kendalian YKK di Kampung Chengal, Kadok itu turut mencatat sejarah apabila Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Unesco membentuk kerjasama dua hala bagi projek yang mampu menjadi landasan merealisasikan usaha kerajaan mewujudkan masyarakat bermaklumat di negara ini.

Pelaksanaan projek perintis itu mengikut kurikulum Unesco yang dijangka bermula Februari tahun depan merangkumi pelbagai aktiviti pendidikan, IT (Internet/komputer), pembelajaran jarak jauh (PJJ) serta kepemimpinan belia.

Tenaga pengajarnya membabitkan pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, pemilihan Putra yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini secara tidak langsung membuktikan pengiktirafan badan dunia terhadap usaha YKK, terutama meningkatkan taraf pendidikan menerusi penggunaan IT.

"Projek ini membolehkan Putra menjadi sebahagian daripada kegiatan Unesco menerusi pelbagai programnya yang bakal dirangka dan dilaksanakannya. Dan masyarakat setempat seharusnya berbangga dapat menyertai program antarabangsa itu," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Kadok, di sini, baru-baru ini.

Sebagai permulaan pelaksanaan projek ini, Unesco meluluskan peruntukan AS\$20,000 (RM76,000) bagi tujuan penyediaan kemudahan asas pengendalian program mengikut perancangan pertubuhan itu.

"Kita berpendapat kaedah ini mampu menyumbang ke arah mempercepatkan proses literasi komputer dan IT di kalangan masyarakat kampung sebagaimana dilakukan Unesco di beberapa negara Asia, Afrika dan rantau Pasifik.

"Kini Putra mempunyai 30 komputer bagi kemudahan pelajar dan golongan dewasa mempelajarinya di samping mendalami bidang IT," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan projek Siber Putra diharap menjadi titik permulaan usaha merapatkan jurang penggunaan IT di antara masyarakat bandar dengan luar bandar.

Katanya, kementeriannya juga akan membantu daripada segi penyediaan lebih banyak komputer dan memantau keberkesanan program Siber Putra setiap masa.

Selain itu, satu perjanjian bersama antara YKK dengan UIA sudah ditandatangani, dengan universiti itu bertanggungjawab mengendalikan latihan dan kursus komputer kepada pelatih di Siber Putra.

"Semua pelatih yang lulus mengikuti kursus komputer akan menerima sijil yang dikeluarkan UIA," katanya.

(END)